

NAMA:

KELAS :

TOPIK : STRUKTUR KAWALAN PILIHAN BERSARANG

AMALI KOMPUTER 3.3

Menggunakan struktur kawalan pilihan untuk menyelesaikan masalah

1. Kaji situasi berikut dan kenal pasti permasalahan.

Linda Palikat diberi tugas oleh gurunya untuk membina satu atur cara yang memberi diskaun berdasarkan mata ganjaran yang terkumpul dalam kad diskaun koperasi sekolah. Setiap murid menggunakan kad diskaun untuk membeli alat sekolah di koperasi sekolah. Terdapat dua jenis kad yang dikeluarkan oleh koperasi sekolah, iaitu kad emas dan kad premium. Atur cara yang akan dibina oleh Linda adalah untuk pemegang kad premium.

2. Bina algoritma berdasarkan keperluan yang diberi.

```
1. Mula
2. Masukkan jumlah belian.
3. Tentukan tempoh sah laku kad.
   Jika sah, tentukan kadar diskaun.
   Jika tidak, paparkan mesej "Sila perbaharui kad anda".
4. Tentukan kadar diskaun.
   Jika mata ganjaran ialah 0
     Tamat.
   Jika mata ganjaran lebih besar atau sama dengan 100
     Diskaun ialah 20%.
     Paparkan jumlah yang perlu dibayar.
   Jika mata ganjaran lebih besar atau sama dengan 50
     Diskaun ialah 15%.
     Paparkan jumlah yang perlu dibayar.
   Jika tidak
     Diskaun ialah 10%.
     Paparkan jumlah yang perlu dibayar.
5. Tamat.
```

SOALAN : BERDASARKAN SITUASI DAN ALGORITMA DI ATAS, KENALPASTI INPUT, PROSES DAN OUTPUT YANG TERLIBAT.

1. Pilih input yang terlibat, a. Jumlah belian b. Sah laku kad c. Tentukan kadar diskaun	2m
2. Pilih proses yang terlibat a. Jumlah belian b. Sah laku kad c. Tentukan kadar diskaun	1m
3. Apakah output yang akan dihasilkan, a. Jumlah belian b. Kadar diskaun c. Tentukan kadar diskaun d. Sah laku kad	1m

